

20/03/2004

Pengembaraan hebat ke Puncak Machinchang

Roslen Fadzil

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pernah berkata, mengapa orang sanggup memanjat gunung sedangkan keadaannya lebih `selamat' kalau duduk di rumah.

Hakikatnya, itulah yang dinamakan keseronokan menikmati keindahan alam semesta ciptaan Tuhan seperti yang tersembunyi di Puncak Machinchang, Langkawi.

Jika dulu, ramai manusia sekadar mampu memandang gunung yang berlekuk-lekuk itu dari jauh di daratan dan lautan, kini segala-galanya tidak lagi mustahil apabila masing-masing sudah boleh memijakkan kaki ke puncak yang menyapu awan itu.

Impian ini tercapai dengan terbinanya perkhidmatan Langkawi Cable Car (LCC) dan dalam sekelip mata, ia menjadikan Gunung Machinchang, puncak tertua di Asia Tenggara, sebagai daerah yang tidak lagi terpencil seperti dulu.

Tidak dinafikan, sepanjang musim cuti persekolahan dan hujung minggu, perkhidmatan kereta kabel itu menjadi tumpuan ribuan pelancong tempatan dan luar negara. Semua ingin merasai bagaimana keseronokan `diangkut' dalam gondola ke atas puncak gunung setinggi 708 meter itu dari stesen paling bawah, Oriental Village Langkawi.

Memang benar. Di sebalik melawan sedikit rasa gayat ketika berada dalam gondola itu, kita dapat melihat pemandangan yang cukup mempesonakan termasuklah sebahagian besar gugusan Langkawi, Teluk Burau, Air Terjun Telaga Tujuh hinggalah Pulau Tarutao, Thailand yang pernah menjadi lokasi siri popular Survivor.

Perjalanan dari bawah ke atas, tidaklah memakan masa lama, iaitu sekitar 15 minit. Pengunjung perlu berhenti di stesen pertama sebelum meneruskan perjalanan selama lima minit lagi ke stesen tertinggi. Bagaimanapun, perkhidmatan kereta kabel ini bergantung kepada faktor cuaca. Sekiranya hujan lebat atau angin kencang, ia tidak akan beroperasi sehinggalah pihak pengurusan berpuas hati. Faktor keselamatan sentiasa diutamakan dan ia akan berhenti secara automatik jika angin kencang tiba-tiba bertiup.

Di atas puncak gunung itu, kita boleh menghirup udara nyaman. Stesen paling atas lebih besar dan ia turut menyediakan kafe dan ruang santai.

Bayaran yang dikenakan untuk menaiki LCC ialah RM15 (dewasa) dan RM10 (kanak-kanak). LCC dibuka mulai jam 10 pagi hingga 7 malam dan jika langit cerah, anda berpeluang menyaksikan sendiri bagaimana cantiknya panorama matahari terbenam.

LOKASI

Langkawi Cable Car, Jalan Telaga Tujuh,

Teluk Burau, Langkawi, Kedah

Tel: 04-9593688